



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/3/2013

## Malaysia-UAE meterai perjanjian RM39 bilion

UM - 13/3/2013

PUTRAJAYA 12 Mac - Hubungan Malaysia dengan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) maju setapak lagi melalui pemeteraian dua perjanjian bernilai RM39 bilion termasuk persetujuan membina sebuah kemudahan penyimpanan minyak di Tanjung Piai, Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kemudahan penyimpanan minyak mentah dan petroleum berkapasiti 60 juta tong dan bernilai RM21 bilion tersebut dijangka meranakkan lagi pembangunan ekonomi.

Selain projek itu, Najib berkata, Abu Dhabi turut melabur dalam Tun Razak Exchange (TRX) dengan membentuk kerjasama strategik antara Aabar Investment dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang bernilai RM18 bilion.

"Usahasama ini fokus kepada pelaburan mapan dalam projek-projek berimpak tinggi yang mustahak kepada pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia pada jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Putera Mahkota Abu Dhabi, Jeneral Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Pelbagai isu merangkumi kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan geostrategik dibincangkan dalam pertemuan tersebut yang turut disertai menteri-menteri dan pegawai kanan kerajaan.

Najib berkata, dua projek yang diumumkan hari ini akan mewujudkan beratus ribu peluang pekerjaan baharu serta menawar-

kan pendapatan yang baik kepada rakyat negara ini sekali gus membantu Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu turut menunjukkan Abu Dhabi yakin kepada kekuatan ekonomi dan kestabilan yang dinikmati Malaysia.

"Pada ketika negara-negara lain dilanda masalah ekonomi, ekonomi Malaysia kekal kukuh dengan menikmati kadar pertumbuhan yang tinggi serta kadar pengangguran dan inflasi yang rendah," katanya.

Najib berkata, Malaysia dan Abu Dhabi bersetuju bahawa masing-masing berpeluang memperluaskan kerjasama sedia ada untuk membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan ketika menerima kunjungan Putera Mahkota Abu Dhabi itu di Putrajaya, semalam. - REUTERS